

KERTAS MODEL UASA GRED A

博文 BUDIMAN



国文

Bahasa Melayu

6
年级

UASA 模拟试卷

最新

- ★ 符合 Modul Peralaksanaan Item
- ★ 按照 Jadual Spesifikasi Ujian (JSU)
Ujian Akhir Sesi Akademik

- ✓ 真题模拟
- ✓ 附四套完整 UASA 模拟试卷
- ✓ 备有参考答案

阅读材料：精美彩色设计



阅读材料

姓名：

班级：

学校：

Bahagian A
[10 markah]

Soalan 1 dan 2

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 “Hamba berharap _____ berdua dapat menjalankan tugas yang diberikan dengan amanah,” kata Datuk Laksamana kepada dua orang panglima itu.
- | | |
|-----------|--------------|
| A patik | B tuanku |
| C baginda | D tuan hamba |
- 2 Panglima Awang dan Panglima Kilau _____ berkhidmat di istana negara lima tahun yang lalu.
- | | |
|----------|----------|
| A akan | B masih |
| C pernah | D sedang |

Soalan 3

Pilih ayat yang betul.

- 3
- | | |
|---|---|
| A | Dedaun-daun pokok itu berguguran apabila ditiup angin. |
| B | Beberapa ekor biri-biri dihalau masuk ke dalam kandang. |
| C | Jangan biarkan sampah-sarap berserakan di halaman rumah. |
| D | Beribu-ribu para pekerja telah kehilangan pekerjaan semasa PKP. |

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Jiran saya seorang guru. Cikgu Chong ialah seorang guru yang sangat berpengalaman. Beliau telah berkhidmat sebagai guru Matematik selama 20 tahun. Beliau pernah mengajar di beberapa buah sekolah di negeri yang berasingan. Sekarang, beliau baru dinaikkan pangkat sebagai Guru Penolong Kanan HEM di SJK (C) Taman Megah.

Sebagai Guru Penolong Kanan HEM, beliau mempunyai tanggungjawab untuk memastikan kesemua murid di sekolah itu dijaga dengan baik semasa berada di kawasan sekolah. Beliau juga perlu memastikan murid-murid di sekolahnya sentiasa berdisiplin dan mematuhi peraturan sekolah.

Pada suatu pagi, beliau menerima panggilan telefon daripada orang awam yang melaporkan bahawa beberapa orang murid sekolah itu telah ponteng sekolah. Mereka didapati berkeliaran di sebuah pasar raya. Dengan bantuan beberapa orang guru, kesemua murid yang ponteng itu berjaya dikesan dan dibawa pulang ke sekolah.

- 4 Apakah jawatan yang disandang oleh Cikgu Chong sekarang?
- A Guru Besar SJK (C) Taman Megah.
 - B Guru Matematik SJK (C) Taman Megah.
 - C Guru Penolong Kanan HEM SJK (C) Taman Megah.
 - D Guru Penolong Kanan Kokurikulum SJK (C) Taman Megah.
- 5 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
- A Murid yang ponteng sekolah telah dibawa ke balai polis.
 - B Semua murid di SJK (C) Taman Megah tidak berdisiplin.
 - C Cikgu Chong telah mengajar di sebuah sekolah selama 20 tahun.
 - D Orang awam memberitahu Cikgu Chong tentang kejadian ponteng.
- 6 Berikut ialah masalah disiplin murid-murid di sekolah *kecuali*
- A ponteng.
 - B membuli.
 - C vandalisme.
 - D datang awal.

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1



Ciri-ciri Pengguna Bijak

- Selalu memeriksa tarikh luput sebelum membeli barang.
- Selalu membandingkan harga barang sebelum membelinya.
- Sentiasa mementingkan *kualiti* barang berbanding jenama.
- Selalu mencatat dahulu barangan yang hendak dibeli.
- Sentiasa menyimpan resit barangan yang telah dibeli.

Pengguna Bijak Jimatnya Banyak!

BAHAN 2

Pada suatu petang, Puan Lina ingin membeli barangan keperluan di pasar raya. Sebelum bertolak, beliau menulis dahulu barangan yang hendak dibelinya.

Semasa memilih barangan, Puan Lina akan memeriksa tarikh luput pada barangan itu. Selain itu, beliau akan membandingkan harga barangan untuk mendapatkan harga yang berpatutan.

Puan Lina juga lebih mementingkan *kualiti* sesuatu barangan itu berbanding jenama. Beliau juga tidak lupa menyimpan resit barangan untuk memastikan beliau berbelanja mengikut keperluan sahaja.

7 Tindakan awal yang perlu dilakukan oleh pengguna bijak ialah

- A membandingkan harga barangan.
- B menyimpan resit barangan yang dibeli.
- C memeriksa tarikh luput pada barangan.
- D mencatat barangan yang hendak dibeli.

Beliau juga tidak lupa menyimpan resit barangan untuk memastikan beliau berbelanja mengikut keperluan sahaja.

8 Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah

- | | |
|----------|-----------|
| A buah. | B helai. |
| C papan. | D lembar. |

9 Perkataan *kualiti* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan

- | | |
|----------|----------|
| A label. | B hasil. |
| C mutu. | D harga. |

10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.

- A Pengguna perlu memeriksa tarikh luput barangan selepas membelinya.
- B Pengguna memilih barangan yang berjenama kerana harganya berpatutan.
- C Pengguna yang bijak dapat menjimatkan banyak wang dan tidak membazir.
- D Pengguna perlu mencatat barangan yang hendak dibeli selepas membelinya.

Bahagian B

[10 markah]

Soalan 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Najah bersorak kegirangan. Dia tidak sabar-sabar mahu berkongsi berita gembira dengan ahli keluarganya setelah pulang dari bank. “Ibu, saya telah memenangi hadiah cabutan bertuah untuk penyimpan muda. Hadiahnya ialah pakej percutian ke Pulau Langkawi,” jelas Najah kepada ibu dan adik-beradiknya.

Dengan penuh bangga, Puan Mai memeluk anaknya itu sambil mengalirkan air mata. “Tahniah, adik. Ibu bangga dengan kejayaan adik ini. Sikap berjimat-cermat adik ini yang menabung sejak kecil lagi telah dihargai oleh pihak bank,” kata Puan Mai.

Puan Mai telah menasihati anaknya itu agar terus menabung. Wang yang disimpan itu boleh digunakan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi pada masa hadapan.

- 1 (a) Najah memenangi hadiah cabutan bertuah untuk _____.

[1 markah]

- (b) Apakah hadiah cabutan bertuah yang dimenangi oleh Najah?

[2 markah]

- (c) Bulatkan kata majmuk yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Dengan penuh bangga, Puan Mai memeluk anaknya itu sambil mengalirkan air mata.

[1 markah]

- (d) Pilih dan tuliskan (**BETUL**) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

“Hadiahnya ialah pakej percutian ke Pulau Langkawi,” jelas Najah kepada ibu dan adik-beradiknya.

Najah diberitahu oleh ibu dan adik-beradiknya bahawa dia telah memenangi pakej percutian ke Pulau Langkawi.	
Najah memberitahu ibu dan adik-beradiknya bahawa hadiah yang dimenangi ialah pakej percutian ke Pulau Langkawi.	

[1 markah]

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah.

Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan**.

Kamu akan menyertai lawatan ke Pusat Sains Negara pada hari esoknya. Bas akan bertolak pada pukul 7:00 pagi. Kamu berasa bimbang jika tidak dapat bangun awal dan akan ketinggalan bas untuk menyertai lawatan itu.

- 2 Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang akan kamu lakukan?

[5 markah]

Bahagian C
[10 markah]

Grafik di bawah menunjukkan suasana di sebuah pesta buku.

Tuliskan pendapat kamu tentang kebaikan berkunjung ke pesta buku.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam **satu** perenggan.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.



Bahagian D
[20 markah]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian tulis sebuah karangan dalam bentuk **karangan berformat** atau **karangan tidak berformat**. Panjangnya karangan kamu hendaklah **antara 50 hingga 80 patah perkataan**.

Berpindah Rumah



- 1 Tuliskan cerita berdasarkan gambar di atas.

ATAU

- 2 Tuliskan catatan diari berdasarkan gambar di atas.
